
Title	M30
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1988 Muhammad Ariff bin Ahmad

SBC – RADIO 2: RECORDING ON

mpm30 [209]

PROGRAMME : MESTIKA PUSAKA [M30]

PRODUCER : NORDIN KASSIM

SCRIPTWRITER : HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD

PRESENTER 1 :

PRESENTER 2 :

DATE OF BROADCAST: 3 NOV 88

DATE OF REPEAT: 5 NOV 88

Okt 28, 1988

=====

GRAM : SIGNATURE TUNE [THEME SONG].. FADE

ANNC Salam sejahtera dan salam ukhuwah..

Saudara pendengar yang berbahagia lagi bertuah!

Syukurlah bahawa kita berada dalam keadaan sihat dan afiat.

Maka dengan izin Allah yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa..

dapatlah kita bertemu semula dalam kesempatan berbeka bi-
cara menerusi ruangan kesayangan kita: MESTIKA PUSAKA..

Sebagai tanda kesyukuran itu, marilah kita memanfaatkan saat
sejahtera ini dengan mengikuti satu lagi beka bicara yang
mengenai beberapa peribahasa, wariasn yang terpusaka..

Dengan demikian, mudah-mudahan.. sambil menikmati periba-
hasa-peribahasa pusaka itu akan bertambah pula kebijaksa-
naan kita, sehingga dapat kita memanfaatkan kebijaksanaan
itu sebagai pembimbing kita mendaki kehidupan yang penuh
dengan liku dan ranjau..

GRAM THEME SONG.. LINK MUSIC..

PRES 1 Para pendengar yang cendekia lagi bijaksana!

Peribahasa pepatah yang berkata: berseru di tengah padang
itu menerjemahkan hal seseorang yang meminta tolong tetapi
permintaannya tidak dihiraukan oleh sesiapa pun.. Berseru
di tengah padang merupakan sesuatu yang sia-sia.. kerana
di tengah padang itu, biasanya, tiada sesiapa.. berapa pun
lantang suara kita, tiada siapa yang mendengarnya.. maka
tiadalah hasil maksud kita..

Orang yang meminta tolong bukan pada tempatnya.. tidak ke-
na pada saatnya.. memang permintaan itu tidak dilayan..
tidak diendahkan orang.. apalagi, memang banyak pula orang
yang tergolong: mahu mereka menolong.. kalau pertolongan
itu mendatangkan untung! Maka yang diberikan sebagai per-

[210] PRES 1 contd: -tolongan..

- PRES1 (contd) : pertolongan.. semata-mata dijadikan umpan untuk memancing keuntungan...
- PRES 2 Ada peribahasa yang berkata: besar umpan besarlah ikannya! Dalam lingkungan niagawan.. yang dimaksudkan dengan umpan itu ialah modal.. maka barang siapa yang berniaga dengan modal besar, nescaya untung yang diraih pun pasti kasar.. manakala orang yang berniaga kecil-kecilan.. untungnya hanyalah cukup makan..
Tetapi, dalam masyarakat umum, "umpan" dalam peribahasa tadi mengungkap sesuatu yang asas bagi kerjayanya. Jika mahu jadi guru yang sempurna.. ilmu mestilah penuh di dada .. kalau mahu jadi pemimpin yang berguna.. kepentingan kepimpin mestilah diutamakan.. kalau mahu jadi pekerja yang berjaya.. daya tenaga dan taat setia harus setara!
- PRES 1 Jika segala syarat itu disempurnakan.. maka seimbanglah umpan dengan ikan.. maka serilah orang berjuang: tiada yang kalah, tiada yang menang.. tidak perlu meminta pertolongan.. seperti orang yang: berseru di tengah padang.. mengharapkan bantuan orang.. tetapi tak ada yang pedulikan. [PAUSE] Bagaimanapun.. jika terpaksa juga mendapatkan pertolongan, peribahasa mengajar kita: meminta kepada yang ada, berkaul kepada keramat..
- PRES 2 Peribahasa bidalan perbilangannya: meminta kepada yang ada, berkaul kepada keramat tadi.. menganjurkan: jika permintaan mahu dihasili.. mintalah kepada yang murah hati.. mintalah kepada yang sedia memberi.. serta meminta di saat dan di tempat yang tepat!
Yang ada dalam peribahasa tersebut, bermakna "yang berada" .. iaitu: yang ada benda.. yang ada rasa.. dan, yang ada kuasa. Ada benda bermaksud: ada harta.. ada yang hendak kita pinta.. Ada rasa bermakna: ada ihsan.. ada perasaan hendak memberi apa yang kita mahukan.. dan ada kuasa itu pula.. sama ada: ada kemampun.. atau ada keupayaan untuk dia berbuat kebajikan.
Dalam berkaul kepada keramat itu.. berkaul itu bermakna: meminta sambil berjanji hendak berbuat bakti.. sebaik-baik

- PRES 2 (contd) ƙaulnya terkabul atau terisi.. maka segera janji wajib ditepati.. tidak boleh bertangguh-tangguh lagi!
- PRES 1 Walau betapa pun berseru di tengah padang.. peribahasa menegah tingkah orang yang: di padang orang berlari-lari; di padang sendiri berjengket-jengket..
Peribahasa yang terakhir itu menyindir sikap orang yang sayangkan punyanya.. maka punyanya itu dijaga dengan cermat.. supaya punyanya tiada rosak atau cacat.. tetapi punya orang lain yang dipinjamnya, dikasar-kasar.. tiada dijaga dengan wajar.. dilakukan semahu-mahunya.. ke atas punya atau milik orang lain, yang dipinjamnya.
- PRES 2 Peribahasa: di padang orang berlari-lari; di padang sendiri berjengket-jengket itu kepada orang yang lokek.. yang bakhil kikir dan tamak pula.. orang yang: punya orang ialah punyanya.. sedangkan: punyanya punyanya juga!
Orang begini ialah orang yang biasanya.. mahu menerima tak mahu memberi.. orang yang: punya orang bawa ke mari.. punya sendiri biar di sini.. punya orang diidamkan.. punya sendiri disembunyikan!
Orang-orang beginilah, yang seruannya tidak harus didengar .. yang permintaannya tidak harus dilayan.. maka wajarlah dia dibiarkan.. berseru di tengah padang.. sekalipun ada peribahasa yang berkata: tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah!
- PRES 1 Peribahasa: tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah itu menerjemahkan bahawa orang yang memberi itu adalah lebih baik dan lebih mulia daripada orang yang menerima. Tangan yang di atas mengungkap orang yang suka memberi atau yang suka menolong.. manakala tangan yang di bawah ialah tangan yang menadah.. yang mengibaratkan orang yang suka menampung.. ataupun, yang suka meminta tolong.. Maka maruah orang yang memberi, selalu tersanjung.. sedangkan maruah orang yang suka meminta tolong.. kadang-kadang tak ada langsung!
Orang yang suka menghina diri dengan meminta-minta.. atau yang sedikit beri banyak pinta.. apalagi yang: punya orang

PRES 1 (contd) mari; punya sendiri sembunyi itu disindir pantun Awang Sulung Merah Muda dengan kata:

PRES 2 Baik-baik mengail tenggiri,
 Jangan kena jambatan larangan;
 Baik-baik menghina diri,
 Jangan muka disapu arang!

GRAM LINK MUSIC..

PRES 1 Para pendengar yang jauhari lagi bistari!
Peribahasa: menyapu arang di muka disebut juga sebagai: menconteng arang di muka. Peribahasa itu mengungkap kata "memalukan".. mungkin memalukan diri sendiri.. mungkin pula memberi malu orang lain. Menconteng arang di muka ibu bapanya.. bermakna: melakukan sesuatu kekejian yang menjadikan ibu bapanya malu!
Menurut nilai budaya.. aturan adat yang sesuai dengan hukum agama.. bahawa anak yang menconteng arang di muka ibu bapanya.. ialah anak yang derhaka.. anak yang tidak akan mencium bau syurga.. na'utzubillah!

PRES 2 Menghina diri yang dinyatakan dalam pantun lama tadi, membawa erti: merendah diri. Walaupun etika Melayu menilai: merendah diri itu adalah suatu sikap yang mulia.. namun, pantun lama tadi.. mengamari kita supaya berhati-hari.. Baik-baik menghina diri.. maksudnya: berjaga-jaga dan waspada ketika merendah diri.. jangan sampai kehilangan peribadi.. jangan sampai kehilangan harga diri..
Amaran terakhir: jangan muka disapu arang.. mengingatkan kita supaya jangan sampai.. rendah diri itu disalah capai, oleh petuangan yang memang menanti peluang.. hendak menikam dari belakang!

PRES 1 Peribahasa: menikam dari belakang.. atau yang di setengah-setengah tempat disebut orang: menikam dalam gelap itu membawa makna: membunuh atau memukul atau menyakiti orang dan berbuat aniaya dengan mencuri-curi.. atau bersembunyi-sembunyi.. seperti kata peribahasa: lempar batu sembunyi tangan!
Mengambil kesempatan mencela dan mencerca.. atau memberi

- PRES 1 (contd) malu seseorang yang berhati mulia: merendah diri beralas kata demikian rupa.. termasuk perbuatan hina.. yang diungkap peribahasa: menikam dari belakang juga.
- PRES 2 Peribahasa: lempar batu sembunyi tangan tadi.. ialaha satu lagi perbuatan keji.. yang memalukan! Peribahasa itu menyingskap sikap seseorang yang tidak bertanggungjawab atas perbuatannya sendiri.. seseorang yang: berani malu takut mati..
Lempar batu sembunyi tangan membawa makna: seseorang yang berbuat jahat.. lalu pura-pura tidak terlibat.. seolah-olah dia tidak terbabit dengan peristiwa maksiat.. yang sedang dikutuk orang dengan hebat.
Penjahat itu berada di tengah-tengah orang yang mengutuk kejahatannya.. tetapi dia buat 'dak.. buat bodoh.. buat tak nampak.. pura-pura tidak kena mengena dengan jenayah yang dilakukannya!
- PRES 1 Peribahasa: berani malu takut mati.. mencela orang yang tidak bertanggungjawab atau perbuatannya. Orang itu mahu dan berani berbuat salah.. berbuat aniaya: menipu dan memperdaya.. atau melakukan kejahatan yang amat hina.. tetapi tidak sanggup menanggung resiko.. tidak sanggup menerima hukuman akibat kesalahannya..
Orang yang: berani malu takut mati begini.. hanya sanggup menyesali diri.. apakala dia tak dapat lari.. atau bersembunyi.. kerana kesalahannya sudah nyata terbukti. Sanggup dia menjilat ludahnya kembali.. asalkan dia tidak dihukum mati!
Orang-orang yang pengecut begini.. termasuk orang yang menghina diri.. orang yang meletakkan maruahnya di telapak kaki.. orang yang: lain di mulut lain di hati..
- PRES 2 Peribahasa: lain di mulut lain di hati.. menerjemahkan orang yang tidak boleh dipercayai.. orang yang menuturkan kata bagai burung nuri.. yang berperipi-peri.. tetapi tuturannya bukan yang diniati.. lain yang diatur lain yang ditutur.. lain yang diniati lain yang dibuat.. orang yang perkataannya berubah-ubah.. orang yang pendiriannya tiada

PRES 2 : tabah.. orang yang dibangsakan kepada lidah biawak.. atau
(contd) lidah bercabang..

PRES 1 Orang yang berwatak: lain di mulut lain di hati.. termasuk golongan orang yang berani malu takut mati.. termasuk orang yang tidak setia.. yang sentiasa berpura-pura, tidaklah seyogianya diangkat kerabat..
Orang yang diibaratkan lidah bercabang.. atau lidah biawak yang perkataannya sentiasa bercanggah.. selalu berubah-ubah.. tidak pula seyogianya diangkat sahabat!
Orang begini telah ditandai talibun warisan.. dengan perkataan:

PRES 2 Kata bersongsong kata membantah,
 Kata kemudian kata mencari,
 Nan ditepati kata dahulu;
 Petua alim nan sudah-sudah,
 Lain di mulut lain di hati,
 Hukumnya munafik – kata guru.

GRAM : LINK MUSIC..

PRES 1 Para pendengar yang mulia lagi budiman!
Manusia yang hidup dalam serba kekurangan.. harta tidak budi pun kurang.. kurang pula ilmu pengetahuan.. kerap terdorong berperangai sumbang.. membawa kepada keadaan tak sedar diri..
Petikanlah pantun warisan moyang, yang mengisahkan:

PRES 2 Kemumu tidak keladi pun tidak,
 Kelopak seperti ranting ketapang;
 Ilmu tidak budi pun tidak,
 Lonjak bagai kambing sekupang!

PRES 1 "kemumu" ialah sejenis lumut laut; tetapi dalam bahasa Minangkabau, kemumu itu sebangsa keladi.. keladi Cina: yang digulai orang daun dan batangnya yang muda.. Akan kekata "sekupang" pula ialah dialek Pulau Pinang yang bermakna: sepuluh sen..
"kambing sekupang" ialah kambing yang berharga sepuluh sen seekor.. harganyanya murah kerana keadaannya yang tiada

- PRES 1 (contd) :..sempurna.. Maka "kambing sekupang" itu mengungkap orang yang berkelakuan tiada senonoh.. sudahlah kelakuan tiada senonoh.. dia sombong lagi bongkak pula.
- PRES 2 Peribahasa: tidak sedar diri itu kerap juga disebut orang tidak tahu dibasabasi.. Kedua peribahasa itu menyindir orang yang tidak tahu bahasa.. tidak tahu tatakerama.. tidak tahu tatasusila.. mereka tidak tahu peraturan orang bermasyarakat.. tidak praktis dengan adat!
Kerana jahil murakab.. jahil yang berlipat-lipat.. berilmu dia tidak; berbudi pun dia tidak.. maka itulah dia mudah terjebak.. ke dalam perangkap anti-sosial; anti-masyarakat yang sangat mudharat!
- PRES 1 Peribahasa: lonjak bagi kambing sekupang mengibaratkan lagak dan tindak seseorang yang tidak mulia.. menurut nilai kacamata budaya..
Pantun peribahasa tadi merumuskan: bahawa orang yang tidak sopan.. yang berkelakuan tidak senonoh lagi keji.. terdiri daripada mereka yang tidak bistari.. yang tidak berilmu dan tidak berbudi..
Maka ketaralah bahawa.. barang siapa yang ingin menjadi orang bistari.. ilmu yang sempurna harus dimiliki.. budi yang luhur harus dipunyai. Tanpa persatuan ilmu yang tinggi.. dengan budi yang suci.. tidaklah lahir manusia bistari.. kerana serangkap pantun budiman.. yang termasyhur berzaman-zaman.. telah meninggalkan pesan untuk dikesan. Kata pantun budiman:
- PRES 2 Raja sakti turun ke taman,
 Taman larangan Betara Indera;
 Bertemu arif dengan budiman,
 Terindah daripada laut mutiara!
- GRAM LINK MUSIC..
- ANNC CLOSING NOTES..
- GRAM SIGNATURE TUNE.. FADE.. OFF.